

02 AUG 1997

Mahathir-pemimpin

PERTUKARAN PEMIMPIN YANG KERAP MELEMAHKAN PARTI ATAU NEGARA

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pertukaran pemimpin yang kerap hanya akan melemahkan parti atau negara kerana sebarang pertukaran memerlukan masa untuk memberikan hasil.

Perdana Menteri berkata banyak pihak terutama orang asing tidak faham mengenai keunikan amalan dalam parti komponen Barisan Nasional (BN) iaitu demi kestabilan parti, anggota-anggota lebih suka supaya jawatan tertinggi dalam parti tidak menjadi rebutan.

Ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC yang ke-51 di sini, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata dakwaan kononnya demokrasi tidak wujud melainkan pemimpin-pemimpin ditukar setiap kali pemilihan diadakan, adalah tidak benar.

Sambil mengambil contoh kemenangan tanpa bertanding Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dan timbalannya Datuk S. Subramaniam, Perdana Menteri berkata anggota-anggota parti kini sedar bahawa keghairahan merebut jawatan boleh menyebabkan perpecahan dalam parti.

"Jika ini berlaku parti akan menjadi lemah dan tidak dapat memperjuangkan kepentingan ahli-ahli dan parti dengan berkesan. Kini ahli-ahli sudah lebih matang dan bijak," katanya.

"Mereka sedar bahawa jika pemimpin itu masih berupaya, berkebolehan dan mampu untuk terus memberi sumbangan yang berkesan kepada parti, bangsa dan negara, tidak ada sebab pemimpin itu perlu ditukar ganti hanya kerana kita boleh tukar," katanya.

Dr Mahathir berkata belum tentu pemimpin yang baru akan membawa kejayaan.

"Jika setelah diberi masa pemimpin yang baru gagal membawa kejayaan, maka sia-sia sajalah pertukaran yang telah dilakukan," kata beliau.

Sebaliknya, pertukaran patut dibuat jika pemimpin yang ada jelas tidak baik atau tidak dapat mendatangkan apa-apa kejayaan, katanya.

Perdana Menteri juga berkata semua anggota parti komponen BN bebas menyuarakan pendapat mereka mengenai sesuatu isu.

"Tetapi kita mempunyai cara tersendiri menyuarakan pandangan kita jika dirasakan sesuatu isu itu mungkin boleh menyinggung persaaan kaum atau agama lain," katanya.

Dr Mahathir berkata para pemimpin BN tidak mengeneipkan sesuatu isu itu begitu sahaja jika ianya penting demi kebaikan negara dan rakyat, tetapi mereka akan membincangkannya sesama mereka secara tidak terbuka.

"Cara tersendiri yang unik inilah yang telah membolehkan BN menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi oleh negara," kata beliau.

Sebaliknya jika masalah kaum terutamanya di bahas secara terbuka, pihak ekstrimis akan memainkan isu itu untuk membakar perasaan dan berlagak sebagai pejuang kaum, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedar bahawa semua kaum mempunyai pendapat bahawa nasib mereka kurang baik dan masalah mereka tidak diberi perhatian oleh kerajaan.

Pendapat sedemikian, kata beliau, kerana masing-masing (kaum) tidak memandang keadaan mereka secara menyeluruh tetapi sebaliknya menumpukan kepada kes-kes tertentu.

Dr Mahathir juga menolak tanggapan kononnya masyarakat India diabaikan dalam pembangunan negara.

"Semua kaum di Malaysia mempunyai masalah dan tidak puas hati. Jika mana-mana kaum berasa puas hati dan gembira maka ia adalah satu petanda

bahawa layanan berat sebelah dan tidak adil sedang berlaku," katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak mungkin memberi layanan sepenuhnya kepada semua kaum kerana tuntutan masing-masing bertentangan dan boleh merugikan kaum lain.

Tetapi ia boleh dan mudah melayan separuh sahaja daripada tuntutan setiap kaum kerana ingin melayan juga kaum lain.

"Saya sendiri dikecam oleh orang Melayu kerana dikatakan tidak memberi layanan kepada orang Melayu. Hakikatnya ialah saya tidak mampu melayan semua tuntutan orang Melayu atau bukan Melayu," kata Dr Mahathir.

Pada persidangan berita kemudian, Perdana Menteri berkata beliau merasa tekanan apabila semua tuntutan tidak dapat dipenuhi.

"Anda tidak boleh memuaskan hati semua orang. Oleh itu, anda tidak memuaskan hati sesiapa pun," katanya.

Mengenai kenyataannya bahawa pertukaran pemimpin yang kerap melemahkan parti dan negara, Dr Mahathir berkata pemimpin akan dipilih bila ada keperluan untuk berbuat demikian.

"Tetapi terpulang kepada budibicara ahli-ahli (parti) sama ada nak ada pertandingan ataupun tidak (untuk jawatan presiden)," kata beliau.

Beliau berkata kadang-kadang ada orang yang tidak layak langsung bertanding untuk jawatan presiden sesebuah parti dan ini hanya menyusahkan parti itu.

"Jadi, dalam sistem demokrasi, sementara kita dibenar memilih, kita tidak harus menukar tiap-tiap kali ada pemilihan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata anggota parti perlu sepakat dalam menentukan sama ada jawatan tertinggi harus dipertandingkan.

"Mereka harus guna muafakat. Pertukaran tidak perlu dibuat tetapi hak untuk menukar perlu wujud," katanya.

Ketika ditanya berapa lama seseorang pemimpin harus berkhidmat, Dr Mahathir berkata beliau berpendapat tidak perlu ada had.

Merujuk kepada beberapa negara yang menetapkan had satu atau dua tempoh, Perdana Menteri berkata : "Jika pemimpin itu baik, biarlah."

"Tetapi jika pemimpin itu tidak baik, dia tidak harus dibiarkan berkhidmat walaupun untuk separuh penggal." -- BERNAMA

ES MAI